

**PROSEDUR TERJEMAHAN BUDAYA MATERIAL DALAM  
HIKAYAT ANIS AL-JALIS KARYA *HIKAYAT ALF LAYLAH WA  
LAYLAH*: SATU PEMERHATIAN AWAL**

***TRANSLATION PROCEDURES OF MATERIAL CULTURE IN  
HIKAYAT ANIS AL-JALIS FROM HIKAYAT ALF LAYLAH WA  
LAYLAH: A PRELIMINARY STUDY***

**Wafaa Aminuddin**

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Maheram Ahmad\***

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*\*Corresponding Author's Email: maheram@ukm.edu.my*

---

**Article History:**

*Received* : 17 September 2024

*Accepted* : 25 November 2024

*Published* : 26 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

***To cite this article:***

Aminuddin, W. & Ahmad, M. (2024). Prosedur Terjemahan Budaya Material dalam Hikayat Anis al-Jalis karya *Hikayat Alf Laylah wa Laylah*: Satu Pemerhatian Awal. *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 135-150.

**ABSTRAK**

Elemen budaya sering kali menimbulkan masalah kepada penterjemah, lebih-lebih lagi kepada penterjemah amatur. Hal ini disebabkan oleh perbezaan besar yang terdapat antara dua bahasa, iaitu bahasa sumber dengan bahasa sasaran, terutamanya yang berkait dengan linguistik dan budaya. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah elemen budaya material dalam cerita Anis al-Jalis, iaitu sebuah cerita yang terkandung dalam *Hikayat Alf Laylah wa Laylah*. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dan data pula dianalisis secara deskriptif. Teori strategi terjemahan yang diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet digunakan bagi mencapai objektif kajian. Dapatan menunjukkan prosedur yang digunakan hanyalah prosedur terjemahan literal. Kajian ini berjaya memberi sumbangan terhadap disiplin terjemahan dan berguna untuk para pelajar dan juga tenaga pengajar. Prosedur terjemahan perlu difahami, bahkan

perlu dikuasai, di samping menguasai bahasa sumber dan bahasa sasaran dalam segenap segi termasuklah elemen budaya agar terjemahan yang dihasilkan mencapai objektif, iaitu untuk membantu pembaca yang tidak memahami teks asal.

**Kata kunci:** Prosedur Terjemahan; Budaya; Bahasa Arab dan Bahasa Melayu; *Hikayat Alf Laylah wa Laylah*

## **ABSTRACT**

*Cultural elements is one of problems for translators, especially for amateur translators. This is due to the big differences between the two languages, which is the source language and the target language, especially those related to linguistics and culture. This study aims to analyze the translation procedures used in translating the material culture elements in the story of Anis al-Jalis, which is a story contained in Hikayat Alf Laylah wa Laylah. Research methodology based on qualitative study and the data is analyzed descriptively. The translation strategy theory introduced by Vinay and Darbelnet was used to achieve the objectives of the study. Findings show that the only used procedures are literal translation procedures. This study successfully contributes to the discipline of translation and is useful for students and teachers. The translation procedures needs to be understood, even mastered, in addition to mastering the source language and the target language in all aspects including cultural elements so that the translation produced achieves its objective, which is to help readers who do not understand the original text.*

**Keyword:** *Translation Procedures; Culture; Arabic and Malay Language; Hikayat Alf Laylah wa Laylah*

## **1.0 PENGENALAN**

Hubungan antara bahasa, budaya dan terjemahan sangat berkait dalam hubungan linguistik (Rabiatul Adawiyah & Majdi, 2019). Hal Ini kerana bahasa dipengaruhi oleh budaya masyarakat setempat. Oleh itu, setiap bahasa mempunyai budaya, dan budaya ini pula berbeza daripada satu bahasa ke bahasa yang lain. Penterjemah perlu peka terhadap unsur budaya ketika menterjemah agar pembaca sasaran dapat menerima terjemahan tersebut dan memberikan reaksi yang sama seperti reaksi yang diberikan oleh pembaca teks asal. Oleh itu, fokus bagi kajian ini adalah untuk mengetahui prosedur yang digunakan oleh penterjemah ketika menterjemahkan elemen budaya yang terdapat dalam teks sumber. Terdapat pelbagai jenis budaya, antaranya adalah seperti budaya sosial, makanan, warna, gelaran, politik, emosi, linguistik, tumbuh-tumbuhan, haiwan, material, tempat kediaman, pengangkutan dan sebagainya (Rabiatul Adawiyah & Majdi, 2019). Akan tetapi kajian ini menganalisis elemen budaya material sahaja, dengan merujuk kepada pembahagian elemen yang dikemukakan oleh Newmark (1988), iaitu budaya ekologi, budaya material, budaya sosial, organisasi sosial dan gerak tubuh atau isyarat dan kebiasaan.

## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Budaya mengikut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (1994) membawa maksud tamadun, peradaban, kemajuan fikiran dan akal budi. Budi membawa maksud akal, kebijaksanaan, tingkah laku, akhlak, kelakuan dan perbuatan baik. Menurut Suwardi (2006), istilah budaya dalam bahasa Inggeris ialah *culture* yang berasal daripada perkataan bahasa Latin iaitu *colere* yang bermaksud manusia yang sentiasa memelihara dan mengerjakan pelbagai tindakan yang boleh menghasilkan tindakan budaya. Catford (1965) mendefinisikan penterjemahan sebagai satu kegiatan yang terjadi dalam bahasa, iaitu proses menggantikan teks daripada satu bahasa kepada teks bahasa lain. Nida (1964) mengatakan bahawa menterjemah adalah menghasilkan padanan yang wajar dan paling dekat dengan bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran, pertama yang berhubung dengan makna dan kedua yang berhubung dengan gaya bahasa. Oleh yang demikian, penterjemahan adalah satu proses memindahkan teks daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran mengikut makna dan gaya bahasa yang disampaikan. Makna dan gaya bahasa perlulah selari dengan bahasa sumber apabila diterjemahkan.

Terdapat pelbagai istilah pendekatan yang digunakan dalam terjemahan. Kebanyakan pengkaji menggunakan istilah dan perkataan yang berbeza seperti strategi, kaedah, metode, dan prosedur. Perkembangan istilah dalam terjemahan mengikut kepada sarjana terjemahan melalui kemunculan teorinya (Idris, 2015). Sarjana seperti Newmark (1988) serta Vinay dan Darbelnet (1995) menggunakan istilah kaedah, strategi dan prosedur. Manakala sarjana Nida (1964) pula menggunakan istilah teknik yang merujuk kepada pendekatan terjemahan yang melibatkan pengubahsuaian. Selain itu, Venuti (2000) menggunakan istilah strategi penterjemahan bagi merujuk kepada cara yang digunakan untuk menterjemah keseluruhan teks. Strategi terjemahan juga ialah pelan keseluruhan, manakala pelan tersebut terdiri daripada teknik, prosedur dan kaedah yang menghasilkan terjemahan.

Strategi penterjemahan merupakan proses keseluruhan yang mana meliputi semua aspek yang terlibat dalam menghasilkan terjemahan secara keseluruhan. Menurut Newmark (1988), terdapat perbezaan antara kaedah atau strategi penterjemahan dengan prosedur penterjemahan. Kaedah atau strategi penterjemahan adalah berkaitan dengan teks secara keseluruhan manakala prosedur penterjemahan digunakan untuk ayat dan unit-unit bahasa yang lebih kecil seperti klausa, frasa, kata dan lain-lain. Kaedah penterjemahan yang dikemukakan oleh Newmark (1988) terbahagi kepada dua bahagian, iaitu terjemahan yang memberi penekanan kepada bahasa sumber, dan terjemahan yang memberi penekanan kepada bahasa sasaran. Terjemahan yang dibuat berdasarkan teks sumber dibahagikan kepada terjemahan perkataan demi perkataan, penterjemahan literal, penterjemahan setia, dan penterjemahan semantik, manakala terjemahan yang memberi penekanan kepada bahasa sasaran pula, terdiri daripada kaedah adaptasi, penterjemahan bebas, penterjemahan idiomatik, dan penterjemahan komunikatif.

Menurut Newmark (1988), penterjemahan komunikatif adalah terjemahan yang memberi kesan yang sama kepada pembaca sasaran sepertimana yang diperoleh oleh pembaca teks sumber. Menurut kajian Goh (2011), antara ciri

penterjemahan komunikatif ialah: (1) lebih cenderung kepada terjemahan berkurangan, (2) mementingkan mesej, (3) mementingkan pembaca sasaran, (4) mementingkan budaya bahasa sasaran, dan (5) mementingkan fungsi. Bagi penterjemahan semantik pula, ia adalah terjemahan yang menjelaskan makna konteks yang disampaikan dalam teks sumber dengan tepat. Menurut kajian Goh (2011), antara ciri penterjemahan semantik adalah: (1) cenderung kepada terjemahan berlebihan, (2) mementingkan makna, (3) mementingkan pengarang asal, (4) mementingkan bahasa sumber, dan (5) mementingkan bahasa dan mengandungi maklumat yang banyak.

Vinay dan Darbelnet (1995) pula mengatakan terdapat dua jenis kaedah utama, iaitu terjemahan langsung dan terjemahan tidak langsung. Daripada dua bahagian ini, terdapat tujuh prosedur terjemah, iaitu pinjaman, pinjam terjemah, literal, transposisi, modulasi, kesepadanan dan adaptasi. Prosedur pinjaman, pinjam terjemah, dan literal merupakan sebahagian daripada terjemahan literal, manakala prosedur transposisi, modulasi, kesepadanan, dan adaptasi pula merupakan sebahagian daripada terjemahan bukan literal. Sementara itu, tujuh strategi terjemahan bagi unsur budaya ialah peminjaman, penerangan, terjemahan literal, penggantian, penciptaan leksikal, pengguguran dan penambahan. Dapat dilihat terdapat pelbagai istilah yang digunakan seperti strategi, kaedah dan prosedur yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh penterjemah. Oleh itu, dalam menterjemah teks, penterjemah perlu mengetahui strategi, kaedah dan prosedur terjemahan supaya hasil penterjemahan tidak menyimpang daripada maksud sebenar yang dibawa oleh teks sumber apabila diterjemahkan ke bahasa sasaran.

### **3.0 PERNYATAAN MASALAH**

Antara cabaran dan kesukaran dalam terjemahan adalah apabila melibatkan elemen budaya dalam teks dan ia sering kali menimbulkan masalah kepada penterjemah, lebih-lebih lagi kepada penterjemah amatir. Hal ini disebabkan oleh perbezaan besar yang terdapat antara dua bahasa, iaitu bahasa sumber dengan bahasa sasaran dalam segala segi. Hakikat kehidupan dan budaya setiap masyarakat perlulah difahami terlebih dahulu untuk mendapatkan kefahaman yang betul dan tepat mengenai cara hidup, tingkah laku atau adat sesuatu bahasa yang digunakan. Setiap bahasa mempunyai perbezaan dan keistimewaan yang tersendiri seperti bahasa Arab dan bahasa Melayu. Tatabahasa bagi kedua-dua bahasa tersebut sangat berbeza. Walau bagaimanapun terdapat juga persamaan budaya antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu, lebih-lebih lagi yang melibatkan agama dan kepercayaan Islam.

Dari sudut penterjemahan unsur budaya, Larson (1998) menyatakan bahawa unsur budaya merupakan salah satu kesukaran dan cabaran yang utama bagi penterjemah kerana ia tidak mudah untuk mendapatkan padanan yang tepat bagi perkara atau objek yang asing dalam budaya sasaran. Antara masalah dan cabaran yang dihadapi oleh penterjemah ialah apabila menterjemahkan unsur budaya yang meliputi aspek ekologi, iaitu yang berkaitan dengan iklim, tumbuh-tumbuhan, haiwan, seterusnya budaya dari sudut material, ciptaan, budaya sosial dan budaya agama yang berkaitan dengan istilah-istilah keagamaan. Kesukaran ini timbul kerana setiap bahasa mempunyai keindahan budaya yang tersendiri.

Kesukaran dalam menterjemahkan unsur budaya bukanlah satu perkara yang mudah diatasi, dan ia bukan hanya dirasakan oleh penterjemah amatir, bahkan penterjemah professional yang berpengalaman juga turut merasai kepayahan dan kesukarannya. Oleh yang demikian, ramai sarjana seperti Newmark (1988), Baker (1992), Nida (1964), Vinay dan Darbelnet (1995) serta ramai lagi sarjana yang hebat telah melakukan kajian dan mengemukakan pelbagai teori dan strategi bagi menterjemahkan unsur budaya. Dengan adanya teori, strategi dan garis panduan dalam menterjemah unsur budaya, ia dapat membantu penterjemah bagi menghasilkan terjemahan yang baik.

#### 4.0 METODE KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk melihat dan menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah semasa menterjemahkan unsur budaya material yang terdapat dalam kisah Anis al-Jalis, dalam hikayat *Alf Laylah wa Laylah*. Untuk mencapai objektif ini metode kualitatif digunakan. Data diperoleh daripada kisah Anis al-Jalis; salah satu kisah yang terkandung dalam *Hikayat Alf Laylah wa Laylah*. Data tersebut kemudiannya dianalisis secara deskriptif. Newmark (1988) telah membahagikan budaya kepada beberapa kategori budaya seperti berikut: (1) ekologi yang berkaitan dengan geografi dan persekitaran seperti flora, fauna, angin, iklim, bukit-bukau dan lingkungan alam yang lainnya, (2) budaya material merujuk kepada artifak iaitu benda yang dihasilkan oleh manusia seperti makanan, pakaian, rumah dan kota, pengangkutan, (3) sosial budaya: pekerjaan dan kesenangan, (4) organisasi sosial seperti tradisi, adat resam, terma sejarah, keagamaan, antrabangsa, artistik, aktivitas, konsep, sebagai contoh istilah dalam bidang politik, keagamaan dan seni, serta (5) gerak tubuh atau isyarat dan kebiasaan. Kajian ini hanya menganalisis elemen budaya material walaupun budaya-budaya lain juga terdapat dalam teks Anis al-Jalis ini. Budaya material seperti yang dikemukakan oleh Newmark (1988) berkait dengan makanan, pakaian, rumah dan kota serta transportasi.

Karya *Hikayat Alf Laylah wa Laylah* yang dijadikan teks kajian ini berasal daripada edisi Beirut dan telah diterjemahkan oleh A. K. Zain kepada bahasa Melayu. Terjemahan ini mengandungi 12 jilid, dan telah diterbitkan pada tahun 1962 oleh Pustaka Antara, Kuala Lumpur. Dalam penterjemahan A. K. Zain, sistem ejaan bahasa Melayu yang digunakan adalah ejaan Rumi lama, tetapi dalam kajian ini kaedah ejaan tersebut diubah kepada ejaan bahasa Melayu kini. Kajian ini mengambil karya *Hikayat Alf Laylah wa Laylah* sebagai bahan analisis kerana ia merupakan karya yang terkenal dengan himpunan kisah-kisah yang menarik. Karya ini penuh dengan elemen budaya, berisi pengajaran dan teladan, malah sesuai dijadikan bahan bacaan waktu santai. Oleh sebab itu, ia diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat.

#### 5.0 TINJAUAN LITERATUR

Kajian oleh Idris (2015) yang bertajuk 'Prosedur peminjaman dan elemen sosiobudaya dalam terjemahan *Rihlat Ibn Battutah*'. Fokus kajian tersebut adalah bagi mengenal pasti pengaruh sosiobudaya yang terlibat dalam pemilihan prosedur

peminjaman sebagai pendekatan utama dalam menterjemah elemen-elemen budaya. Pemerhatian dan penerangan (*observation and explanation*) adalah kaedah yang diaplikasikan dalam perbahasan kajian ini. Kajian mendapati terdapat faktor yang mempengaruhi penterjemah memilih terjemahan peminjaman sebagai satu daripada prosedur yang digunakan dalam terjemahan adalah kerana terdapat beberapa faktor iaitu status bahasa sumber dalam budaya bahasa sasaran, polisi bahasa kebangsaan terhadap peminjaman, kemasyhuran teks sumber, latar belakang penterjemah serta fungsi teks sumber dan teks sasaran. Hal ini membuktikan bahawa sosiobudaya merupakan faktor dan memainkan peranan yang penting bagi pemilihan prosedur peminjaman.

Kajian berikutnya ialah kajian Zarima et al. (2016), yang bertajuk 'Terjemahan nama tumbuh-tumbuhan perubatan dalam kitab *al-Qanun fi al-Tibb* daripada bahasa Arab ke Bahasa Melayu: Kaedah, masalah, dan penyelesaian'. Tiga fokus kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti kaedah terjemahan Arab-Melayu yang berkaitan dengan penterjemahan nama-nama tumbuhan perubatan dalam bahasa Arab yang belum mempunyai padanan dalam bahasa Melayu, mengemukakan kaedah bagi menyelesaikan masalah-masalah yang timbul semasa menterjemah nama tumbuh-tumbuhan perubatan daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, khususnya bagi tumbuh-tumbuhan yang mempunyai padanan dalam bahasa Melayu, tetapi sukar ataupun tidak ditemui dalam mana-mana kamus yang sedia ada di pasaran dan akhir sekali adalah untuk memperkaya kosa kata dalam bahasa Melayu melalui pembentukan atau penambahan nama tumbuh-tumbuhan perubatan yang baharu. Terdapat lebih 400 spesis tumbuh-tumbuhan di dalam kitab tersebut dan sebahagian besar tumbuhan tersebut tidak terdapat di negara yang beriklim khatulistiwa. Kajian mendapati terdapat tujuh kaedah terjemahan yang digunakan untuk menterjemah nama tumbuh-tumbuhan tersebut, iaitu peminjaman langsung daripada bahasa Arab, terjemahan langsung daripada bahasa Arab, terjemahan langsung daripada bahasa Inggeris, terjemahan campuran dwibahasa, peminjaman langsung daripada bahasa Inggeris tanpa penyesuaian ejaan, peminjaman langsung daripada bahasa Inggeris dengan penyesuaian ejaan dan peminjaman langsung daripada bahasa Greek. Penyelesaian bagi permasalahan ketiadaan kamus atau ensklopedia Arab-Melayu dan Inggeris-Melayu adalah merujuk kepada indeks bahasa Inggeris dan nama saintifik dalam buku-buku yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan perubatan dan menggunakan aplikasi *Google Search*.

Kajian berikutnya bertajuk 'Prosedur terjemahan unsur budaya ekologi dalam al-Quran' yang ditulis oleh Ahmad Jalaluddin Al-Islami et al. (2021). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur budaya ekologi fauna yang terdapat dalam kedua-dua teks yang terdapat dalam al-Quran dan terjemahannya dan menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah unsur budaya ekologi fauna tersebut. Terdapat lapan sampel yang telah dipilih secara rawak untuk dianalisis. Kajian telah menunjukkan penterjemah menggunakan lima prosedur terjemahan iaitu prosedur literal, pinjaman, transposisi, persamaan dan penyesuaian. Penterjemah juga telah menggabungkan dua prosedur untuk menterjemahkan unsur budaya ekologi fauna iaitu prosedur literal dengan persamaan dan prosedur literal dengan transposisi. Penterjemahan unsur budaya

ekologi fauna tidak terhad hanya pada satu prosedur sahaja, bahkan terdapat pelbagai prosedur yang boleh digunakan bagi membantu penterjemah memberi terjemahan yang tepat di samping dapat mengurangkan kesilapan semasa menterjemah. Prosedur yang digunakan dalam kajian ini adalah prosedur literal dan transposisi.

Kajian oleh Suhaila (2003) yang bertajuk 'Sosiolinguistik dan etnologi dalam masalah penterjemahan *Hikayat Alf Laylah Wa Laylah*'. Tujuan kajian adalah mengkaji tentang ketetapan penggunaan kata ganti nama diri dan sistem gelaran bahasa sasaran mengikut sosiolinguistik bahasa Melayu serta untuk mengenal pasti kesilapan terjemahan disebabkan masalah budaya. Kajian tersebut menggunakan kaedah kepustakaan. Hasil kajian menunjukkan penggunaan kata ganti nama diri dan sistem gelaran yang menepati sosiolinguistik bahasa sasaran antara sebab terjemahan itu diterima baik. Terdapat dua kesalahan terjemahan kerana masalah budaya, iaitu penterjemah cenderung menterjemah kepada terjemahan literal dan menggunakan kata Arab yang telah diasimilasikan mengikut sebutan bahasa Melayu dalam terjemahannya.

Kajian Radin Salim dan Mansor (2021) yang bertajuk 'Penguasaan kecekapan budaya dalam terjemahan Arab-Melayu' dilakukan bagi mengenal pasti perbezaan bentuk dan tahap ketepatan hasil terjemahan berdasarkan kecekapan budaya oleh pelajar jurusan bahasa Arab di dua buah institut perguruan dan juga bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhinya. Terdapat seramai 90 orang sampel pelajar yang terlibat bagi menjawab soalan ujian dan seramai 12 orang pelajar telah ditemu bual. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan kecekapan budaya pelajar adalah di aras sederhana rendah dan hasil temu bual mendedahkan bahawa pelajar kurang diberi penekanan aplikasi dan praktikal mengenai elemen budaya dalam terjemahan. Bagi meningkatkan tahap kecekapan budaya dalam terjemahan perlunya memasukkan elemen budaya dalam silibus pembelajaran terjemahan.

Dapat diperhatikan daripada kajian lepas, bahawa terdapat pelbagai strategi dan prosedur terjemahan yang digunakan kerana ia bergantung kepada penterjemah dan jenis teks yang diterjemahkan. Selain itu, didapati cabaran yang dihadapi oleh penterjemah ini berkait dengan tahap penguasaan bahasa mereka dan elemen yang terdapat dalam sesuatu bahasa seperti elemen budaya, etnologi, ekologi dan sebagainya. Perkara ini memberi kesukaran bagi penterjemah untuk mencari padanan yang sesuai dan difahami oleh pembaca bahasa sasaran. Seperti mana kajian Radin Salim dan Mansor (2021), yang menunjukkan aspek budaya tidak dapat dikuasai dengan baik oleh penterjemah. Kajian lepas hampir semuanya mengkaji terjemahan teks daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab. Demikian itu, kajian dalam terjemahan teks bahasa Arab kepada bahasa Melayu perlu digiatkan dan medium terjemahan perlu dipelbagaikan seperti sari kata video animasi atau filem dan juga terjemahan audio.

## **7.0 KERANGKA TEORI**

Menurut Abdullah dan Ainon (2001), terdapat tiga kaedah yang boleh digunakan semasa menterjemahkan unsur budaya, iaitu budaya asal dikekalkan, budaya asal disesuaikan dengan budaya sasaran dan budaya asal digugurkan atau tidak

diterjemahkan. Akan tetapi, kajian ini berpandukan strategi terjemahan Vinay dan Darbelnet (1995). Dalam strategi terjemahan Vinay dan Darbelnet (1995) terdapat dua kaedah utama yang diperkenalkan, yang pertama adalah terjemahan langsung dan yang kedua terjemahan tidak langsung. Kaedah terjemahan langsung menitikberatkan mengenai persamaan bentuk teks asal yang diterjemahkan kepada teks terjemahan dan ia terdiri daripada prosedur pinjaman, peniruan dan literal. Kaedah terjemahan tidak langsung pula terdiri daripada transposisi, modulasi, persamaan, dan penyesuaian, yang mana prosedur terjemahan ini memfokuskan kepada penyampaian mesej dan kesan teks yang diterjemahkan kepada pembaca bahasa sasaran. Oleh yang demikian, terdapat tujuh prosedur terjemahan yang diperkenalkan.

### 7.1 Terjemahan Langsung

- (a) Pinjaman: Terjemahan yang mengekalkan unsur budaya yang terdapat dalam teks sumber ketika menterjemahkannya ke dalam bahasa sasaran. Kaedah ini digunakan sekiranya budaya sasaran mempunyai padanan yang sama dengan budaya bahasa asing. Perkataan daripada teks bahasa sumber boleh digunakan ke dalam teks bahasa sasaran kerana tidak terdapat padanan yang sesuai dan ejaannya dikekalkan.
- (b) Pinjam terjemah atau peniruan: Kaedah ini menitikberatkan mengenai tatabahasa dalam bahasa sasaran. Oleh itu, struktur ayat dan cara penyampaian daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dikekalkan atau meniru struktur ayat daripada bahasa sumber.
- (c) Literal: Terjemahan perkataan demi perkataan dan terjemah ini mengambil makna daripada kamus sepenuhnya dengan menggantikan frasa atau perkataan dalam ayat dengan menggunakan padanan yang sesuai tanpa melakukan perubahan yang ketara terhadap struktur atau susunan ayat.

### 7.2 Terjemahan Tidak Langsung

- (a) Transposisi: Mengubah bentuk atau jenis ayat tanpa menjejaskan makna, seperti pertukaran daripada kata kerja kepada kata nama.
- (b) Modulasi: Mengubah struktur ayat tanpa memberi kesan kepada makna yang ingin disampaikan. Sebagai contoh, peralihan ayat pasif kepada aktif.
- (c) Persamaan: Kaedah ini merupakan terjemahan persamaan sejadi agar pembaca teks sasaran dapat menerima reaksi yang sama dengan pembaca teks sumber. Kaedah ini terbahagi kepada dua jenis kaedah persamaan, iaitu persamaan sejadi dan persamaan terdekat. Persamaan sejadi atau padanan fungsian kebiasaannya digunakan untuk menterjemah peribahasa dan simpulan bahasa, contoh bagi persamaan sejadi bagi terjemahan *Ouch!* diterjemahkan sebagai 'Aduh!' atau *broad smile* diterjemah 'senyum lebar'. Manakala persamaan terdekat

- ia merupakan persamaan makna, tanpa melibatkan konteks penggunaan.
- (d) Penyesuaian: Apabila terdapat perbezaan antara budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran berlakunya penggantian dalam penterjemahan. Mesej dalam terjemahan yang dihasilkan kemungkinan sedikit berbeza dengan teks asal, ini kerana dalam terjemahan sangat mementingkan kesesuaian budaya dan citarasa pembaca bahasa sasaran.

## 8.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Karya *Hikayat Alf Laylah wa Laylah* merupakan karya klasik yang sangat terkenal dan telah diterjemahkan kepada pelbagai bahasa seperti Turki, India, Parsi, Inggeris, Melayu dan sebagainya. Penulis asal bagi karya ini tidak diketahui kerana ia merupakan himpunan pelbagai kisah dari pelbagai negara seperti Parsi, India, Mesir, Syria dan Iraq (Suhaila, 2003). Terjemahan karya ini juga mempunyai banyak versi dan banyak terbitan. Bagi kajian ini, teks terjemahan yang telah diterjemahkan oleh A. K. Zain, *Kesah Sa-ribu Satu Malam* dan teks asal yang diambil daripada edisi Beirut dijadikan sumber utama. Dalam kajian ini, hanya satu unsur budaya yang diambil dan dikeluarkan daripada cerita Anis al-Jalis daripada *Hikayat Alf Laylah wa Laylah* dan teks terjemahannya. Unsur budaya yang diambil daripada teks tersebut adalah budaya yang berkaitan dengan material iaitu yang merujuk kepada artifak benda yang dihasilkan oleh manusia seperti makanan, pakaian, rumah dan kota, serta pengangkutan.

Manakala unsur budaya bagi material juga berkaitan dengan rumah yang mempengaruhi bentuk, jenis kediaman, status keupayaan kewangan, selera, status perkahwinan, kedudukan dan sebagainya. Akhir sekali, berkenaan unsur budaya bagi material adalah apa-apa objek yang boleh disentuh dan diukur yang merangkumi tempat kediaman, pengangkutan, senjata, peralatan teknologi, dan lain-lain lagi. Terdapat tujuh contoh sampel (terdiri daripada tujuh ayat) yang mewakili budaya material dianalisis dalam kertas ini dan setiap satunya diletakkan garis di bawah untuk memudahkan pembaca melihat data tersebut. Analisisnya adalah seperti yang berikut:

**Jadual 1: Data 1**

Bahasa Arab	Terjemahan Bahasa Melayu	Prosedur Terjemahan
<p>وبقدرة القادر أن الملك محمد                      سليمان الزيني يوما من الأيام                      بينما هو قاعد على كرسي                      مملكة وحوله ارباب دولته.                      (halaman: 181)</p>	<p>Pada suatu hari, Raja Muhammad bin Sulaiman sedang bersemayam di atas <u>takhta</u> singgahsananya, di hadapi oleh Menteri-menteri dan orang-orang besarnya...                      (halaman: 134)</p>	<p>Literal</p>

Dalam ayat ini terdapat satu frasa yang mewakili budaya material, iaitu frasa *كرسي مملكة*. Frasa ini terdiri daripada dua perkataan, iaitu *كرسي* dan *مملكة*. Menurut *Kamus Al-Khalil* (Abu Abdullah 2013), makna bagi perkataan *كرسي* ialah kerusi, katil, pentas, takhta, satu jawatan akademik untuk profesor dan ilmu pengetahuan. Perkataan *مملكة* pula membawa makna kerajaan beraja, *kingdom*, sultan, spesis dan kerajaan. Secara harfiahnya, frasa ini boleh diterjemahkan sebagai kerusi kerajaan. Akan tetapi, penterjemah telah menterjemahkan perkataan tersebut kepada ‘takhta’. Takhta menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, ialah tempat raja bersemayam, kerusi, penterana atau kekuasaan raja. Oleh itu, padanan yang diberikan oleh penterjemah adalah bersesuaian dengan makna yang diberikan oleh kamus. Hal ini kerana takhta merujuk kepada kerusi kebesaran atau kerusi kerajaan sebagaimana yang digambarkan oleh teks asal. Didapati juga bahawa prosedur yang digunakan adalah prosedur terjemahan literal.

**Jadual 2:** Data 2

Bahasa Arab	Terjemahan Bahasa Melayu	Prosedur Terjemahan
<p>واخلى لها مقصورة ورتب لها كل يوم ما تحتاج إليه من طعام وشراب وغيره.                      (halaman: 183)</p>	<p>Menteri Al-Fadhil meletakkan gadis ini pada <u>suatu tempat khas</u> yang istimewa dan dua orang khadam wanita yang menjaga makan minumannya dan segala keperluannya siang dan malam...                      (halaman: 136)</p>	<p>Literal</p>

Perkataan *مقصورة* berasal daripada perkataan *قصر* yang bermaksud pendek.

Perkataan *مقصورة* dalam *Kamus Al-Khalil* (Abu Abdullah 2013) membawa dua maksud, iaitu (1) perempuan kaya, bilik rumah, tanah luas yang berbenteng, dan (2) ialah hamzah ‘maqsurah’. Menurut *Kamus Almaany* pula, perkataan ini membawa beberapa maksud, iaitu (1) wanita yang dikawal yang tidak dibenarkan keluar dari rumahnya, (2) bilik peribadi yang dipisahkan dari batu bersebelahan di atas lantai, dan (3) bilik persendirian yang diasingkan daripada bilik rumah yang lain. Menurut *Kamus Oxford Fajar Edisi Ketiga*, perkataan *مقصورة* membawa maksud bilik kecil seperti bilik imam atau bilik persalinan. Penterjemah telah menterjemahkan perkataan tersebut sebagai ‘tempat khas’, dan berdasarkan makna yang diberikan oleh kamus dengan makna yang diberikan oleh penterjemah, perkataan ini sesuai diterjemahkan sebagai tempat khas kerana teks sumber ingin menjelaskan bahawa

tempat itu adalah sebuah bilik yang istimewa untuk seorang perempuan. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa penterjemah telah menggunakan prosedur terjemahan literal untuk menterjemahkan perkataan tersebut.

**Jadual 3:** Data 3

Bahasa Arab	Terjemahan Bahasa Melayu	Prosedur Terjemahan
ومشياً إلى ساحل البحر فوجدوا مركباً يتجهز للسفر. (halaman: 192)	Sepanjang perjalanan hingga ke tepi laut, di situ mereka menumpang dalam sebuah kapal hendak belayar. (halaman: 155)	Literal

Dalam ayat ini terdapat satu perkataan yang termasuk dalam kategori kenderaan atau pengangkutan, iaitu مركب. Penterjemah menterjemahkan perkataan ini kepada ‘sebuah kapal’. Apabila dirujuk kamus, didapati *Kamus Al-Khalil* (Abu Abdullah 2013), memadankan perkataan مركب dengan kenderaan, manakala *Almaany* pula memadankan perkataan tersebut dengan perahu, kapal, kenderaan dan wahana. Padanan yang diberikan oleh penterjemah didapati bersesuaian dengan makna yang diberikan oleh *Almaany*, iaitu kapal. Berkait dengan prosedur terjemahan pula, didapati penterjemah menggunakan prosedur terjemahan literal.

**Jadual 4:** Data 4

Bahasa Arab	Terjemahan Bahasa Melayu	Prosedur terjemahan
وكان هذا البستان يسمى بستان النزهة وفيه قصر... (halaman: 193)	Kebun penghiburan itu dan istana yang ada di dalamnya bernama istana pertunjukan... (halaman: 157)	Literal

Dalam contoh ini, terdapat satu perkataan yang menunjukkan budaya material, iaitu perkataan قصر. Perkataan ini diterjemahkan kepada kepada istana. *Kamus Al-Khalil* (Abu Abdullah 2013) memadankannya dengan kecuaiian, ketaksiran, kelalaian matlamat, istana dan petang. Mengikut konteks ayat, perkataan قصر sesuai diterjemahkan kepada istana, bersamaan dengan makna yang diberikan oleh kamus. Sementara itu, dalam *Kamus Pustaka Melayu-Arab* (Abu Abdul Latif 1993) perkataan ‘istana’ dipadankan dengan سراية dan قصر, manakala *Kamus*

*Oxford Fajar* pula memadankan perkataan ini dengan قصر. Oleh itu, makna yang diberikan oleh penterjemah adalah bertetapan dengan makna yang diberikan oleh kamus. Dari sini, didapati bahawa penterjemah menggunakan prosedur terjemahan literal.

**Jadual 5:** Data 5

Bahasa Arab	Terjemahan Bahasa Melayu	Prosedur terjemahan
<p>أن الخليفة في تلك الساعة تطلع                      ونظر إلى الشبايبك التي في                      ناحية دجلة في ضوء القمر.                      (halaman: 197)</p>	<p>Kebetulan pada malam itu                      Khalifah Harun Al-Rashid                      sedang duduk di <u>anjung</u>                      istananya yang menghadap                      ke sungai Dajlah...                      (halaman: 162)</p>	<p>Literal dan                      Pinjaman</p>

Dalam ayat ini, terdapat satu perkataan yang menunjukkan budaya material, iaitu الشبايبك. Penterjemah memadankan perkataan ini dengan ‘anjung’. Menurut *Kamus Al-Khalil* (Abu Abdullah, 2013), perkataan الشبايبك merupakan perkataan jamak bagi الشباك yang membawa makna tingkap berjeriji, tingkap dan kaunter. Dalam *Kamus Pustaka Melayu-Arab* (Abu Abdul Latif, 1993), tingkap dipadankan dengan الشباك dan perkataan ‘anjung’ pula dipadankan dengan بلكون dan شرفة. Dalam *Kamus Al-Khalil* (Abu Abdullah, 2013), شرفة membawa makna serambi, anjung dan kaki lima. Perkataan ‘anjung’ dalam *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, membawa makna bahagian rumah yang ditinggikan (di sisi atau di tengah rumah), perangan anjung tempat mengambil angin, manakala perkataan ‘tingkap’ membawa makna lubang angin (di dinding rumah) yang boleh dibuka dan ditutup, dan jendela.

Berdasarkan makna الشبايبك yang diberikan oleh kamus, didapati terjemahan atau padanan yang diberikan oleh penterjemah adalah kurang bertepatan dengan makna yang diberikan oleh kamus. Oleh sebab itu, dicadangkan agar terjemahan yang diberikan oleh penterjemah, iaitu anjung ditukar kepada tingkap. Hal ini kerana makna anjung itu adalah satu kawasan atau bahagian rumah untuk mengambil angin, sedangkan yang dimaksudkan oleh teks asal ialah tingkap. Dari segi prosedur terjemahan, didapati penterjemah masih lagi menggunakan prosedur terjemahan literal.

**Jadual 6:** Data 6

Bahasa Arab	Terjemahan Bahasa Melayu	Prosedur terjemahan
<p>فدخل نور الدين الحاصل فرأى  <u>أواني من الذهب والفضة والبلور</u>  <u>مرصعة باصناف الجواهر</u>  <u>فأخرجها ورصّها وسكب الخمره</u>  <u>في البواطي والقناني</u>                      (Halaman: 195)</p>	<p>Maka di bawanya masuk ke dalam sebuah bilik berisi penuh dengan berbagai jenis minuman, cukup lengkap dengan segala <u>alat perkakasnya</u> daripada emas dan perak bertatahkan dengan <u>permata-permata manikam</u> yang di khaskan untuk khalifah dan menyuruh ambil apa sahaja yang mereka mahu.                      (Halaman: 159)</p>	<p>Literal</p>

Dalam ayat ini terdapat tujuh perkataan yang mewakili budaya material, iaitu أواني, الذهب, الفضة, البلور, الجواهر, البواطي dan القناني. Menurut *Kamus Al-Khalil* (Abu Abdullah, 2013) perkataan أواني merupakan perkataan jamak bagi الإناء yang membawa makna bekas makanan dan minuman. Penterjemah telah menterjemahkan perkataan أواني kepada alat perkakas. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat*, alat perkakas membawa maksud benda-benda yang digunakan untuk membuat sesuatu pekerjaan seperti memasak, bertukang dan lain-lain serta ia juga termasuk alat-alat untuk kegunaan di dapur seperti periuk belanga, alat-alat yang digunakan ketika makan seperti pinggan, mangkuk, senduk, sudu dan lain-lain. Perkataan berikutnya, الذهب والفضة والبلور telah diterjemahkan oleh penterjemah kepada emas dan perak dan permata-permata. Dalam *Kamus Al-Khalil* (Abu Abdullah, 2013), perkataan البلور، الفضة، الذهب membawa makna emas dan logam perak atau perak dan kristal. Perkataan-perkataan tersebut bertetapan dengan terjemahan yang diberikan oleh penterjemah.

Perkataan seterusnya ialah الجواهر yang telah diterjemahkan kepada permata-permata manikam. Menurut *Kamus Al-Khalil* (Abu Abdullah, 2013), perkataan الجواهر merupakan perkataan jamak bagi الجوهرة yang bermaksud mutiara. Manakala di dalam *Kamus Pustaka Arab-Melayu* (Abu Abdul Latif, 1993) perkataan manikam dalam bahasa Arab adalah جوهر atau perkataan jamaknya جواهر. Berdasarkan *Kamus Dewan*, manikam membawa makna batu permata, intan, ratna mutu,

bermacam-macam jenis intan permata, manakala mutiara pula membawa maksud permata yang diperoleh daripada tiram, iaitu tiram yang mengandungi mutiara. Oleh yang demikian, terjemahan yang dilakukan oleh penterjemah adalah diterima kerana ia membawa makna yang sama. Justeru di sini, penterjemah juga menggunakan prosedur terjemahan literal.

Berikutnya adalah perkataan البواطي yang menurut *Kamus Al-Khalil* (Abu Abdullah, 2013) merupakan perkataan jamak daripada perkataan الباطية yang membawa makna gelas besar untuk meletakkan air minuman. Manakala perkataan القناني pula, menurut *Kamus Al-Khalil* (Abu Abdullah, 2013) merupakan perkataan jamak bagi perkataan القنينة yang membawa makna botol atau kaca kecil. Akan tetapi, kedua-dua perkataan ini tidak diterjemahkan oleh penterjemah di dalam teks sasaran, ia hanya menyatakan alat perkakas sahaja dalam terjemahannya.

**Jadual 7:** Data 7

Bahasa Arab	Terjemahan Bahasa Melayu	Prosedur terjemahan
<p>ونزع من على رأسه عمامة                      مضى عليها ثلث سنين ما رأى                      خرقة الا خيَّطها عليها.                      (Halaman: 200)</p>	<p>..serta serban yang tak pernah dibasuh itu dililitkan di kepala khalifah.                      (Halaman:167)</p>	<p>Literal</p>

Terdapat satu perkataan dalam ayat ini yang mewakili budaya material, iaitu عمامة yang merupakan sejenis kain yang dipakai di kepala. Merujuk kepada jadual di atas, perkataan عمامة dalam *Kamus Al-Khalil* (Abu Abdullah, 2013) membawa maksud serban, begitu juga di dalam *Kamus Almaany* ia memberi maksud serban. Jadi, penterjemah telah menggunakan prosedur terjemahan literal semasa menterjemahkan perkataan ini kerana maknanya sama seperti yang terkandung dalam kamus.

Daripada tujuh ayat yang dijadikan sampel tadi, didapati terdapat 13 perkataan yang termasuk dalam kategori budaya material yang terdapat dalam kisah Anis al-Jalis dalam karya *Alf Laylah wa Laylah*. Tiga perkataan itu berkait dengan kenderaan, peralatan/perkakas, tempat tinggal/istana dan tempat khas (bilik khas) serta pakaian. Sebelas perkataan diterjemahkan mengikut prosedur terjemahan literal, manakala dua perkataan tidak diterjemahkan. Sementara enam lagi prosedur, iaitu pinjaman, pinjam terjemah atau peniruan, transposisi, modulasi, persamaan dan penyesuaian tidak digunakan.

## 9.0 KESIMPULAN

Newmark mengemukakan lima elemen budaya, iaitu budaya ekologi, budaya material, sosial budaya, organisasi sosial dan gerak tubuh atau isyarat dan kebiasaan. Walaupun begitu, kajian ini hanya meneliti dan menganalisis elemen budaya material yang merujuk kepada artifak, iaitu benda yang dihasilkan oleh manusia seperti makanan, pakaian, rumah dan kota, pengangkutan. Analisis yang dilakukan berpandukan strategi yang dikemukakan oleh Vinay dan Darbelnet ini mendapati penterjemah hanya menggunakan satu prosedur, iaitu prosedur literal semasa menterjemahkan budaya material ini, manakala prosedur-prosedur lain tidak digunakan. Walaupun begitu, prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah berjaya membantu pembaca untuk memahami isi teks asal, khususnya yang berkait dengan budaya material.

### Sumbangan Pengarang

Aminuddin, W. & Ahmad, M. Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

### Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

## RUJUKAN

- Ahmad, S. Z. (2003). *Sosiolinguistik dan etnologi dalam masalah penterjemahan Hiyakat Alf Laylah Wa Laylah*. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Almaany. <https://www.almaany.com/>
- Bajunid, A. A. L. S. A. O. (1993). *Kamus Pustaka Melayu-Arab*. Cet. Ketiga. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Baker, M. (1992). *In Other Words*. New York: Routledge.
- Catford, J. C. (1965). *A Linguistic Theory on Translation*. London: London Routledge.
- Dollah, A. A. H. (2013). *Kamus Al-Khalil*. Gombak: Pustaka Ilmiah Al Khalil.
- Endraswara, S. (2006). *Metode Teori, Teknik Penelitian Kebudayaan: Ideologi, Epistemologi, dan Aplikasi*. Yogyakarta: Pustaka Widyatama.
- Hassan, A. & Mohd., A. (2001). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kesah Sa-ribu Satu Malam*. (1962). Terj. A. K. Zain. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

- Larson, M. L. (1998). *Meaning-based Translation*. Lanham: University Press of America Inc.
- Mansor, I. (2015). Prosedur Peminjaman Dan Elemen Sosiobudaya Dalam Terjemahan *Rihlat Ibn Battutah*. *Kajian Malaysia*, 33(2), 61-81.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. London: Prentice Hall Internatioal.
- Nida, E. A. (1964). *Toward a Science of Translating*. Leiden: E.J. Brill.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Radin Salim, N., & Mansor, I. (2021). Penguasaan Kecekapan Budaya Dalam Terjemahan Arab-Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(2), 111-134.
- Seong, G. S. (2011). Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan. *Journal of Language Studies*, 11(1), 35-56.
- Shifidin, R. A. M. A. & Ibrahim, M. (2019). Penterjemahan unsur budaya Arab dan Melayu menurut pembahagian Hasan Ghazala. *Journal of the Malaysian Translators Association*, 21(2), 163-183.
- Shin, A. J. I. M., Majid, M. A. A. & Husin, N. (2021). Prosedur Terjemahan Unsur Budaya Ekologi Dalam Al-Quran. *Journal of Social Ssciences and Humanities*, 18(4), 148-162.
- Vinay, J. P. & Darbelnet, J. (1995). *Comparative Stylistics of French and English: A Methodology for Translation*. Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Venuti, L. (2000). *The Translation Studies Reader*. New York: Routledge.
- Zakaria, Z. M., Abdullah, M. H., Mohamad, A. H. & Ariffin, M. S. (2016). Terjemahan Nama Tumbuh-Tumbuhan Perubatan Dalam Kitab *al-Qanun fi al-Tibb* dari bahasa Arab ke Bahasa Melayu: Kaedah, Masalah, Dan Penyelesaian. *Jurnal Anwar*, 1(1): 92-106.